

05 JUL 2002

PM-Sambut

15,000 SAMBUT KETIBAAN DR MAHATHIR DI KEDAH

ALOR SETAR, 5 Julai (Bernama) -- Kira-kira 15,000 orang menyambut ketibaan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, dekat sini, hari ini.

Perdana Menteri yang diiringi isterinya, Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba pada pukul 8.55 pagi bagi melakukan lawatan kerja sehari ke negeri ini.

Sebaik sahaja Perdana Menteri turun dari pesawat, suasana sedih menyelubungi lapangan terbang itu apabila lagu berjudul "Di Mana Kan Ku Cari Ganti" nyanyian allahyarham P. Ramlee dimainkan.

Orang ramai yang mengibarkan sepanduk berbunyi "Mahathir Perjuanganmu Belum Selesai", "Jangan Tinggalkan Kami" dan "Teruskan Kepimpinanmu" serta "Selamat Datang Wira Malaysia", kemudiannya melaungkan "Hidup Mahathir" sebaik sahaja lagu itu habis.

Dr Mahathir membuat pengumuman mengejutkan untuk meletakkan jawatannya dalam parti dan kerajaan pada Perhimpunan Agung Umno 22 Jun lepas, yang kemudiannya ditarik balik setelah menimbang rayuan pemimpin dan anggota Umno serta pelbagai lapisan rakyat.

Perdana Menteri yang segar berpakaian baju Melayu dan bersamping pelekat berwarna hijau pucuk pisang kemudian naik ke pentas untuk berucap kepada hadirin yang terdiri daripada anggota-anggota komponen Barisan Nasional, pemimpin masyarakat dan kakitangan kerajaan.

Semasa di sini, Perdana Menteri dijadual melawat tapak Dewan Wawasan dan Kompleks Pentadbiran Pejabat Daerah yang baru, kedua-duanya di Batu 13, Paya Kemunting, Jitra.

Turut hadir ialah Menteri Besar Kedah Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, Ketua Menteri Pulau Pinang, Tan Sri Dr Koh Ksu Koon, Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir, Naib Presiden Umno Tan Sri Muhammad Muhamad Taib, Penasihat Agama kepada Perdana Menteri, Tan Sri Abdul Hamid Othman dan wakil peribadi Perdana Menteri di Kubang Pasu, Tan Sri Osman Aroff.

-- BERNAMA

MNH ZA RHM